



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 6 APRIL 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI SASAR 500 LADANG KONTRAK, NEGARA, KOSMO -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI SASAR 500 KONTRAK PERNIAGAAN RM60 JUTA, KOSMO -ONLINE	
3.	500 CONTRACT GROWERS DISASARKAN TAHUNINI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
4.	AGRICULTURE DEPT AIMS TO HAVE 500 CONTRACT GROWERS THIS YEAR, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -11	
5.	BANTU BELIA JADI USAHAWAN TANI, NASIONAL, SH -15	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	PELUANG BELIA JADI USAHAWAN TANI, NASIONAL, BH -19	
7.	BERAS WANGI KELANTAN TANDINGI BERAS SIAM, NEGARA, KOSMO -16	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
8.	BERAS WANGI KELANTAN MAMPU TANDINGI BERAS WANGI SIAM, KOSMO -ONLINE	
9.	MAFI CADANG HASILKAN VARIETI BERAS WANGI BAHRU UNTUK TINGKAT SARA HIDUP PESAWAH, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
10.	RAIH RM16,000 TANAM HALIA MUDA, NEGARA, KOSMO -18	LAIN-LAIN
11.	KAWAL KETAT PERAIRAN NEGARA, NEGERI KELANTAN/TERENGGANU, SH -26	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/4/2021	KOSMO	NEGARA	6

MAFI sasar 500 ladang kontrak

PUTRAJAYA — Jabatan Pertanian menyasarkan penglibatan 500 golongan belia khususnya kalangan graduan dalam projek ladang kontrak bersama lapan syarikat induk melibatkan urusan perniagaan bernilai RM600 juta setahun.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, usaha itu dijangka dapat memberi manfaat peluang pekerjaan kepada lebih 1,000 orang pada tahun ini.

Katanya, masalah berkaitan kekurangan tanah dan sumber tenaga kerja juga dapat diatasi secara tidak langsung melalui ladang kontrak yang dibangunkan dengan perkongsian teknologi tanaman terbaik.

Menurutnya lagi, program itu memberi kelebihan antaranya meningkatkan produktiviti ladang, jaminan bekalan dan produk berkualiti tinggi memandangkan ia memiliki Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP).

"Sebagai contoh, Jabatan Pertanian berjaya membantu 53 ladang kontrak tanaman tembakai di Kelantan yang telah menandatangani perjanjian dengan Syarikat Beho Supply Sdn. Bhd. dalam pengeluaran tembakai untuk pasaran tempatan dan luar negara.



RONALD (kanan) melihat antara produk pertanian yang dipamerkan pada Program Business Talk di Putrajaya semalam.

"Kontrak ladang berjaya menikmati kenaikan harga ladang daripada 40 sen kepada 80 sen dan mampu mencecah RM1.80 sekilogram mengikut gred dan lokasi pengambilan hasil bernilai RM3 juta semusim," katanya selepas merasmikan Program Business Talk: Selangkah ke Industri Pertanian di sini semalam.

Ronald berkata, program kontrak ladang merupakan antara usaha Jabatan Pertanian bagi

membantu mereka yang terjejas ekoran pandemik Covid-19.

Beliau berkata, pada 2013, eksport buah-buahan negara adalah RM675 juta, manakala pada 2018 telah meningkat hampir dua kali ganda iaitu RM1.3 bilion.

"Perjanjian yang akan dimeterai melalui program ladang kontrak ladang mampu menjamin pasaran hasil segar atau produk makanan yang dikeluarkan sama ada bagi pasaran domestik maupun antarabangsa," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/4/2021	KOSMO	ONLINE	

MAFI sasar 500 kontrak perniagaan RM60 juta



PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan penawaran 500 contract growers kepada graduan untuk mengikat kontrak ladang dengan lapan anchor companies yang terlibat dengan nilai perniagaan RM60 juta setahun.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, usaha yang dijalankan Jabatan Pertanian itu dijangka dapat memberi manfaat peluang pekerjaan kepada lebih 1,000 orang pada tahun ini.

Beliau berkata, masalah berkaitan kekurangan tanah dan sumber tenaga kerja juga dapat diatasi secara tidak langsung melalui kontrak ladang yang dibangunkan dengan perkongsian teknologi tanaman terbaik.

Menurutnya, program itu memberi kelebihan antaranya meningkatkan produktiviti ladang, jaminan bekalan dan produk berkualiti tinggi memandangkan ia memiliki Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP).

"Sebagai contoh, Jabatan Pertanian berjaya membantu 53 orang contract growers tanaman tembikai di Kelantan yang telah menandatangani perjanjian ke hadapan dengan Syarikat Beho Supply Sdn. Bhd. dalam pengeluaran tembikai untuk pasaran tempatan dan luar negara.

"Contract growers berjaya menikmati kenaikan harga ladang daripada 40 sen kepada 80 sen yang mencecah RM1.80 sekilo mengikut gred dan lokasi pengambilan hasil dengan nilai perniagaan bagi kontrak ladang tersebut bernilai RM3 juta semusim," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Business Talk: Selangkah ke Industri Pertanian di kementerinya di sini hari ini.

Ronald berkata, program kontrak ladang merupakan antara usaha Jabatan Pertanian membantu mereka yang terjejas dalam mendepani cabaran pandemik Covid-19.

Beliau berkata, pada tahun 2013, eksport buah-buahan negara adalah RM675 juta manakala pada 2018 telah meningkat hampir dua kali ganda iaitu RM1.3 bilion.

"Perjanjian yang akan dimeterai melalui program kontrak ladang mampu menjamin pasaran hasil segar atau produk makanan yang dikeluarkan sama ada bagi pasaran domestik mahupun antarabangsa berdasarkan harga yang dipersetujui bersama.

"Saya yakin melalui pendekatan kerjasama strategik ini semua pemain industri berkaitan kita mampu mengeluarkan bekalan yang mencukupi, berkualiti dan selamat digunakan," ujamnya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/4/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

500 contract growers disasarkan tahun ini



Ronald (tengah) ketika melawat ruang pameran pada Perasmian Program Bual Bicara 'Business Talk Selangkah ke Industri Pertanian' di Dewan Serbaguna (MAFI) hari ini. Turut kelihatan, Ketua Pegawai Operasi merangkap Pengarah Green Heart Farm Sdn Bhd Luuk Runia (dua,kiri). - Gambar Bernama

PUTRAJAYA: Jabatan Pertanian menyasarkan untuk melahirkan 500 contract growers menerusi perjanjian kontrak dengan lapan syarikat utama bidang pertanian

pada tahun ini, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Antara anchor company terlibat ialah Syarikat Beho Supply Sdn Bhd, Exotic Star Sdn Bhd dan Greenheart Farm Sdn Bhd yang akan menawarkan ilmu agromakanan kepada golongan sasar dan hala tuju dalam bidang itu, katanya.

Beliau berkata program kontrak ladang itu memberi manfaat daripada segi meningkatkan produktiviti ladang, jaminan bekalan mencukupi dan produk berkualiti tinggi kerana mempunyai pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) atau Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic).

"Ini mampu menjamin pasaran hasil segar atau produk makanan yang dikeluarkan untuk pasaran domestik atau antarabangsa berdasarkan harga yang dipersetujui bersama," katanya dalam sidang media selepas merasmikan program 'Business Talk : Selangkah ke Industri', di sini hari ini.

Memberikan contoh 53 pengusaha tanaman di Kelantan yang telah menandatangani perjanjian hadapan dengan Syarikat Beho Supply Sdn Bhd dalam pengeluaran tembikai bagi pasaran tempatan dan luar negara, mereka mendapat manfaat harga buah daripada 40 sen kepada 80 sen sekilogram dan sehingga mencecah RM1.80 sekilogram, mengikut gred dan lokasi pengambilan hasil, katanya. - Bernama

Headline	Agriculture dept aims to have 500 contract growers this year		
Media Title	Borneo Post (Kuching)		
Date	06 Apr 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	11	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	63 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 430
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,289



Agriculture dept aims to have 500 contract growers this year

PUTRAJAYA: The Agriculture Department aims to produce 500 contract growers through contract agreements with eight anchor companies in the field of agriculture this year, said Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said the companies included Syarikat Beho Supply Sdn Bhd, Exotic Star Sdn Bhd and Greenheart Farm Sdn Bhd, which will provide knowledge on agro-food to target groups, as well as the direction of the sector.

He said the benefits of the programme included in terms of increasing farm productivity, supply guarantee and high quality products, as it had the Malaysian Good Agricultural Practice (myGAP) or the Malaysian Organic (myOrganic) certification.

"This will ensure the fresh agricultural produce or food products for the domestic or international market based on mutually agreed prices," he told a press conference after opening the 'Business Talk: One Step to Industry' here yesterday.

He said 53 contract growers in Kelantan had signed forward agreements with Syarikat Beho Supply Sdn Bhd to produce watermelons for local and foreign markets.

The farmers benefit in fruit price, from 40 sen to 80 sen and up to RM1.80 per kilogramme, according to the grade of the fruits and location of collection, he added. — Bernama

Bantu belia jadi usahawan tani

MAFI anjur program bicara bisnes industri pertanian negara

Oleh MOHD HAFIZ ISMAIL

yang berpotensi sebagai syarikat utama untuk tanaman terpilih.

"Hari ini, Jabatan Pertanian berjaya menemukan syarikat-syarikat utama dengan bakal penanam kontrak yang terdiri daripada golongan belia negara iaitu seramai 150 orang graduan institusi pengajian tinggi awam dan swasta, Sijil Pertanian dan Sijil Kemahiran Malaysia di bawah Kementerian ini."

PUTRAJAYA

Pertanian mensasarkan seramai 500 peserta terutama graduan dan belia mewujud projek ladang kontrak dengan lapan syarikat terpilih pada tahun ini. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata, bagi merjayakan hasrat itu, Jabatan Pertanian memperkenalkan modul dan konsep kontrak ladang antara pemain dengan pihak usahawan

"Saya difahamkan program ini disertai melalui pendafiran secara dalam talian untuk tempoh hanya tiga hari.

"Sambutan diterima sangat menggalakkan sehingga mencapai 364 penyertaan daripada graduan, namun kita memahami prosedur operasi standard ditetapkan dengan jumlah peserta terpaksa dihadkan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Business Talk: Selangkah Ke

Industri Pertanian di kementeriannya, di sini pada Isnin. Ronald berkata, menerusi kontrak ladang yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian ini ia juga untuk membantu mereka yang terjejas dengan Covid-19 di negara ini.

"Program ini dilihat mem-

beri manfaat kepada usahawan

yang dibangunkan dengan per-kongsian paket teknologi ta-naman terbaik.

Menurutnya, Jabatan Per-tanian telah merangka strategi untuk mengeksport hasil ta-naman yang telah melebihi tahap sara diri 100 peratus di bawah program pengeksportan buah-buahan dan sayur-sayuran dengan penglibatan pema-in industri di sepanjang ran-tauan nilai.

"Pada masa ini, Jabatan Pertanian memberikan fokus kepada "buah-buahan tropika terlebih dahulu seperti durian, nangka, tembakau dan betik untuk dieksport serta penge-luaran cili, kubis bulat dan halia bagi memenuhi keperlu-an tempatan," katanya.

Beliau berkata, pada tahun 2013, eksport buah-buahan negara adalah RM675 juta manakala pada 2018 telah me-ningkat hampir dua kali ganda iaitu RM1.3 billion.



Ronald (kiri) bertemu dengan sebahagian bahak penantau kontrak yang terdiri daripada golongan belia negara pada program Business Talk: Selangkah ke Industri Pertanian di Putrajaya pada Isnin.

yang terabit dari segi me-ningkatkan produktiviti la-dang, mejamin bekalan men-cukupi dan memperoleh harga yang tinggi," katanya.

Selain itu, katanya, kita juga dapat menyelesaikan masalah kekurangan tanah dan sumber tenaga kerja kerana melalui kontak ladang ini ia

Peluang belia jadi usahawan tani

Jabatan Pertanian sasar 500 sertai projek ladang kontrak dengan 8 syarikat terpilih

ada kewajiran, tetapi tidak tahu nak buat apa.

“Jadi dengan pelbagai program Kementerian, ia membuka peluang pertanian kepada anak muda yang mempunyai ‘kemauan untuk memulakan kehidupan menjadi usahawan tanah atau agropreneur dalam industri agro makanan.”

“Kita akan padankan peserta program ini dengan pihak industri serta memberi mereka ilmu bercucuk tanam, nasihat perbaikan dan bagaimana mereka boleh menjadi usahawan pertanian.

“Selain itu, sebagai penanam kontrak, kita memberi jaminan kepada mereka hasil tanaman akan dieksport. Ini (jualan eksport) adalah nilai tambah kepada mereka, berbanding jual secara domestik.”

“Jaminan jualan penting terutama kepada mereka yang baru menyasarkan 500 individu, termasuk graduan dan belia meneroka projek ladang kontrak dengan lapan syarikat terpilih pada tahun ini, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, kaedah itu sekaligus membuka peluang kerja dalam bidang pertanian kepada masyarakat dan jika saran itu dapat dicapai, ia dijangka memberi limpahan manfaat kepada 1,000 individu, mungkin nilai untuk kontrak ladang berkenaan turut disasarkan melebihi RM60 juta setahun.

“Kita selalu dengar anak muda

Oleh Noor Aisyati Seliqraan
bhnews@bh.com.my

kepada masyarakat dan jika saran itu dapat dicapai, ia dijangka memberi limpahan manfaat kepada 1,000 individu, mungkin nilai untuk kontrak ladang berkenaan turut disasarkan melebihi RM60 juta setahun.

“Kita selalu dengar anak muda



Kianee berbual bersama peserta selepas merasmikan Program Bicara Bisnes Selangkah Ke Industri Pertanian di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

peroleh harga yang tinggi.

“Selain itu, kita dapat menyelesaikan masalah kekurangan tanah dan sumber tenaga kerja kerana kontak ladang ini akan dibangunkan dengan perkongsian paket teknologi tanaman terbaik,” katanya.

Pertanian, ia juga dapat membantu mereka yang terjejas dengan COVID-19 di negara ini. Program ini diilah memberi manfaat kepada usahawan terabit dari segi meningkatkan produktiviti ladang, menjaminkan bekalan mencukupi dan mem-

turunkan jumlah graduan yang merangkumi graduan dari pada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan IPT swasta (IPRS) serta lulusan Sijil Pertanian dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

“Menerusi projek ladang kontrak yang dijalankan Jabatan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/4/2021	KOSMO	NEGARA	16



CHE ABDULLAH (dua kiri) menandatangani plak perasmian pengeluaran produk beras Wangi Kelantan di Pasir Puteh semalam.

Beras Wangi Kelantan tandingi beras Siam

PASIR PUTEH — Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yakin kualiti beras Wangi tempatan mampu menandingi beras Wangi Siam susulan pengenalan padi varieti MRQ76 sejak tiga tahun lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, varieti benih padi itu mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pesawah di negeri Kelantan sehingga mampu menghasilkan sebanyak lima tan padi untuk satu hektar kawasan.

Katanya, sehubungan dengan itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sentiasa proaktif membangunkan varieti benih padi itu dengan mengambil kira perubahan persekitaran bagi meningkatkan pengeluaran.

"Import beras Wangi ke negara ini dianggarkan sebanyak

40 peratus daripada jumlah import beras secara keseluruhan. Dengan pengenalan padi itu mampu setanding dengan kualiti beras Siam yang diimport dari negara jiran.

"Permintaan terhadap beras itu juga menjadi inisiatif dalam pembangunan varieti padi Wangi baharu iaitu MRQ 104 dengan potensi hasil antara tiga hingga lima tan dalam satu hektar kawasan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melancarkan produk beras Wangi Kelantan yang diusahakan pesawah tempatan di Pusat Belian Padi Jelapang Timur Enterprise, Banir Belikong, di sini semalam.

Sehubungan itu, Che Abdullah berkata, dengan pengenalan padi varieti itu, kualiti beras yang dihasilkan itu mampu memenuhi selera pengguna tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/4/2021	KOSMO	ONLINE	

Beras wangi Kelantan mampu tandingi beras wangi Siam



PASIR PUTEH – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yakin kualiti beras wangi tempatan mampu menandingi beras wangi Siam susulan pengenalan padi varieti MRQ76 sejak tiga tahun lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, ini kerana, varieti benih padi itu mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pesawah di negeri Kelantan sehingga mampu menghasilkan sebanyak lima tan padi untuk satu hektar kawasan.

"Import beras wangi ke negara ini dianggarkan sebanyak 40 peratus daripada jumlah import beras secara keseluruhan. Dengan pengenalan padi itu mampu setanding dengan kualiti beras Siam yang diimport dari negara jiran.

"Permintaan terhadap beras itu juga menjadi inisiatif dalam pembangunan varieti padi wangi baharu iaitu MRQ 104 dengan potensi hasil antara tiga hingga lima tan dalam satu hektar kawasan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melancarkan produk beras wangi Kelantan yang diusahakan pesawah tempatan di Pusat Belian Padi Jelapang Timur Enterprise, Banir Belikong, di sini hari ini.

Menurutnya, penanaman padi wangi yang diusahakan oleh pesawah akan membantu meningkatkan pendapatan petani berdasarkan kepada harga padi wangi yang lebih tinggi berbanding padi putih tempatan. K! ONLINE.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/4/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MAFI cadang hasilkan varieti beras wangi baharu untuk tingkat sara hidup pesawah



PASIR PUTEH: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bercadang membangunkan lebih banyak varieti beras wangi tempatan yang lebih berkualiti dalam usaha meningkatkan pendapatan golongan petani.

Timbalan Menteri Pertanian II Datuk Che Abdullah Mat Nawi (gambar) berkata usaha itu memerlukan penglibatan pelbagai agensi termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) untuk menghasilkan benih padi baharu dan memastikan tahap sara diri pesawah dapat dicapai sehingga 75 peratus seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi industri padi.

"Kerajaan sedia membantu meningkatkan pengeluaran beras wangi tempatan dengan menyalurkan pelbagai bantuan subsidi dan insentif sebagaimana yang dinikmati pesawah lain di seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas melancarkan produk beras wangi Kelantan yang diusahakan pesawah tempatan di Pusat Belian Padi Jelapang Timur Enterprise, Banir Belikong, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata pengguna kini hanya mengenali beras wangi import dari negara jiran dan mereka seharusnya menukar selera dengan memilih produk tempatan yang setanding kualitinya, malah terhasil daripada penyelidikan yang memanfaatkan kesihatan.

Justeru itu, katanya MAFI akan memperluaskan tanaman padi wangi daripada keseluruhan kawasan jelapang termasuk di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

"Ketika ini, anggaran import beras wangi adalah sebanyak 40 peratus daripada jumlah import beras secara keseluruhan dan MAFI amat menggalakkan pesawah tempatan untuk menanam padi wangi yang bernilai tinggi bagi memenuhi keperluan domestik," tambahnya.

Beliau berkata varieti benih padi wangi MRQ 76 mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan pesawah kerana ia mampu menghasilkan sekitar lima tan padi sehektar dengan harga belian RM1,500 setiap satu tan.

Sementara itu, Che Abdullah berkata usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan pengeluaran beras wangi menerusi anak syarikatnya Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dengan usaha sama Syarikat Kumpulan Mihoda dari Kedah amat digalakkan.

"Pelancaran beras wangi tempatan keluaran Kelantan hari ini yang dinamakan sebagai Beras Sida Wangi adalah satu usaha yang dibuat untuk mengangkat beras wangi ini sebagai Ikon Produk Premium bagi negeri ini," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/4/2021	KOSMO	NEGARA	18

Raih RM16,000 tanam halia muda

JEMPOL – Seorang peneroka tidak menyangka projek halia muda yang diusahakan sejak 2016 kini menjadi antara projek pertanian contoh dalam usaha meningkatkan pendapatan di bawah Program Pembangunan Peneroka (PPP).

Amran Mahat, 63, berkata, pada peringkat permulaan, dia mengeluarkan modal RM15,000 bagi dua projek pertanian yang dilaksanakan di kawasan Felda Raja Alias 1 di sini bagi projek cili fertigasi dan halia muda.

Namun, dia akhirnya memfokuskan projek halia muda dan kini memiliki sebanyak 1,500 polibeg berisi pokok halia.

"Halia lebih mudah dijaga berbanding cili, kurang serangan musuh tanaman, malah dalam satu polibeg boleh menghasilkan kira-kira dua kilogram halia. Satu kilogram halia menccecah harga RM8.

"Dalam tempoh lima bulan, halia sudah boleh mengeluarkan hasil dan saya mampu mendapat pulangan sekitar RM16,000 bagi setiap

tuaian. Hasil tanaman ini boleh dinikmati sekurang-kurangnya dua kali setahun," katanya.

Amran ditemui sempena lawatan kerja Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed ke Projek Halia Muda di Felda Raja Alias 1 di sini kelmarin.

Amran berkata, dia kini menasarkan untuk menambah bilangan pokok halia memandangkan kawasan pertanian seluas 0.1 hektar boleh menempatkan kira-kira 5,000 polibeg.

Katanya, halia muda yang ditanamnya buat masa ini hanya dipasarkan di sekitar pasar tani di Bahau dan dia berhasrat memperluaskan lagi pasaran.

Sementara itu, Mustapa berkata, negara kini mengimpor halia dari China dan negara lain yang dianggarkan bernilai RM200 juta setahun.

"Kita lihat potensi halia muda ini cukup besar dan Felda telah memutuskan untuk memperuntukkan RM10 juta bagi projek halia muda di Wilayah Raja Alias," ujarnya.



AMRAN menunjukkan halia muda yang ditanamnya di Felda Raja Alias, Jempol kelmarin.

Kawal ketat perairan negara

Malaysia, Vietnam meterai MoU tangani pencerobohan nelayan asing

Oleh NORHAS PDA YATIM



Malaysia dan Vietnam akan memeterai perjanjian (MoU) bagi menangani pelbagai isu termasuk pencerobohan nelayan asing ke perairan negara.

Ketua Pengarah Agensi Penguraukuasaan Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Datuk Mohd Zubil Mat Som berkata, MoU itu dijangka ditandatangani tahun ini.

Beliau berkata, antara aspek lain yang akan dimeterai termasuk kerjasama penguraukuasaan, operasi menyelamat dan latihan.



MoU ZBII (kiri) menugaskan bot nelayan asing yang ditahan sekitar 110 nautical miles dari muara Kuala Terengganu pada Ahad.

"Kita akan melaksanakan MoU bersama Vietnam Coast Guard, draf perjanjian sudah hampir siap dan kini di peringkat semakan akhir oleh Pegum Negara.

"Saya yakin kerjasama meliputi pelbagai bidang akan dilaksanakan apabila Maritim Malaysia dan Vietnam Coast Guard sebulat suara bersetuju dengan MoU ini," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan

"MoU ini perlu disegekan kerana terdapat banyak kes melibatkan pencerobohan bot nelayan asing Vietnam terutama di perairan pantai timur. Perkara ini bukan sahaja menimbulkan kebingungan nelayan tempatan malah isu ini dilihat semakin serius," katanya.

Mengulas mengenai Ops Naga dan Kuda laut bagi membanteras pencerobohan nelayan asing, Mohd Zubil berkata, sebanyak 189 bot nelayan Vietnam dirampas dengan anggaran berjumlah RM493 juta sejak 2019 sehingga Mac 2020.

"Kita turut menahan 1,609 nelayan Vietnam dan didakwa di mahkamah berhubung kesalahan menceroboh dan mengutus hasil negara.

"Sejak 2005 sebanyak 2,000 bot nelayan Vietnam telah dirampas dan 80 peratus daripada bot ini dilupuskan menjadi tukun tiruan sebagai habitat pembiakan ikan di negara ini," katanya.

lawatan kerja di Ibu Pejabat Maritim Malaysia Terengganu pada Isnin.

Dalam pada itu katanya, pemeterian MoU itu sepertinya dilaksanakan sejak 2017 namun terpaksa ditangguh ekoran terdapat pertindihan tuntutan oleh Vietnam terhadap Malaysia berhubung perkara itu.

"Setakat ini kerajaan Vietnam menunjukkan reaksi positif berkemasan kerjasama ini.